

**Encik Robest Yong  
Innovation Ambassador  
Agensi Inovasi Malaysia (AIM)**

Tuan,

**JEMPUTAN PENCERAMAH BAGI PROGRAM DISKUSI KREATIF INTENGAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Tengah (INTENGAH) akan menganjurkan **Diskusi Kreatif** pada **22 Mac 2012** (Khamis) bermula jam **2.30 petang** bertempat di **Auditorium, Blok 1, Menara Sri Wilayah, Presint 2, Putrajaya**. Program ini dijangka akan dihadiri oleh penjawat awam dari pelbagai kementerian dan jabatan disekitar Putrajaya.

3. Sehubungan itu, INTENGAH ingin menjemput penceramah dari Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI) untuk menyampaikan ceramah mengenai kreativiti dan inovasibagi program ini pada tarikh, masa, dan tempat seperti yang dinyatakan di atas. Bersama-sama ini disertakan aturcara program untuk makluman tuan selanjutnya. Di atas kerjasama dan kesudian pihak tuan memenuhi jemputan dari INTENGAH saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

tt

**(SAIFUL YAZAN BIN ALWI)**  
Pengarah Wilayah  
INTAN Kampus Wilayah Tengah  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

# **PROGRAM DISKUSI KREATIF INTENGAH BIL 1/2012**

**22 MAC 2012 (KHAMIS)**

**AUDITORIUM, BLOK 1,  
MENARA SRI WILAYAH, PRESINT 2, PUTRAJAYA**

## **ATURCARA**

- |                           |          |                               |
|---------------------------|----------|-------------------------------|
| <b>2.15 – 2.30 petang</b> | <b>-</b> | <b>Ketibaan Para Jemputan</b> |
| <b>2.30 - 4.00 petang</b> | <b>-</b> | <b>Sesi Ceramah</b>           |
| <b>4.00 – 4.15 petang</b> | <b>-</b> | <b>Sesi Soal Jawab</b>        |
| <b>4.15 – 4.30 petang</b> | <b>-</b> | <b>Jamuan Ringan</b>          |
|                           | <b>-</b> | <b>Bersurai</b>               |